

**UNTUK SIARAN SEGERA**



## **MENTERI SUMBER MANUSIA MELANCARKAN 'PUSAT SEHENTI TENAGA KERJA KESUMA NEGERI SABAH' DAN 'PEJABAT HRD CORP SABAH'**

**KOTA KINABALU, 4 Ogos 2025** – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), dengan kerjasama Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah melancarkan Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA Negeri Sabah dan Pejabat HRD Corp Sabah di Sutera Avenue, dekat sini, hari ini.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia. Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA Negeri Sabah yang baharu ini menghimpunkan pelbagai perkhidmatan utama berkaitan tenaga kerja di bawah satu bumbung bagi meningkatkan akses orang ramai kepada perkhidmatan berkaitan pekerjaan, kemahiran, keselamatan dan perlindungan sosial. Ini merupakan pusat sehenti pertama seumpamanya yang dilancarkan di Sabah, sekaligus menandakan pencapaian penting dalam usaha KESUMA untuk menyepadukan dan memperkemas perkhidmatan tenaga kerja di seluruh negara.

Jabatan dan agensi yang beroperasi di Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA Negeri Sabah ini termasuk:

1. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah;
2. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sabah;
3. Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Sabah;
4. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Sabah;
5. Mahkamah Perusahaan Sabah;
6. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Sabah;
7. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu;
8. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) JTM Sandakan;
9. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Sabah;
10. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Sabah;
11. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK); dan
12. HRD Corp Sabah.

Bertempat di Aras 1, Blok A, Sutera Avenue, Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA Negeri Sabah ini bertujuan untuk mempermudah urusan pekerja dan majikan di Sabah dengan menyelaraskan fungsi seperti padanan pekerjaan, permohonan latihan, urusan kesatuan sekerja, khidmat nasihat keselamatan tempat kerja serta penyelesaian pertikaian undang-undang.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Inisiatif ini dijangka dapat memperkukuh koordinasi antara agensi, memperkasa bakat tempatan serta menyokong agenda Sabah Maju Jaya dan Malaysia MADANI melalui pembangunan modal insan yang inklusif dan bersepadu.

Sementara itu, Pejabat HRD Corp Sabah yang baharu kini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, termasuk bilik latihan dan dewan seminar bagi menyokong pembelajaran, peningkatan kemahiran dan pembangunan profesional rakyat Sabah. Sebagai sebahagian daripada program ini, para tetamu turut dibawa melawat kemudahan tersebut.

"Pelancaran Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA Negeri Sabah dan Pejabat HRD Corp Sabah ini mencerminkan pendekatan baharu KESUMA dalam merakmatkan perkhidmatan kami dengan prinsip 'no wrong door policy' di mana semua urusan berkaitan pekerja, isu perburuhan, latihan dan perlindungan sosial kini tersedia di bawah satu bumbung," kata YB Steven dalam ucapannya.

Tambah YB Steven Sim, inisiatif rintis ini dijangka akan diperluaskan ke seluruh negara yang juga merupakan sebahagian daripada usaha rekayasa semula KESUMA untuk memastikan perkhidmatan lebih cekap, inklusif dan mesra rakyat," ujarnya.

"Melalui HRD Corp, majikan kini boleh menggunakan levi latihan bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran pekerja, tetapi juga untuk menaiktaraf infrastruktur latihan dan menggajikan perantis.

Dalam pada itu, Dr. Syed Alwi ketika berucap berkata, keberadaan pejabat HRD Corp di lokasi baharu ini merupakan langkah strategik untuk terus memperkukuh kehadiran dan perkhidmatan HRD Corp di Sabah, sekali gus mendekatkan lagi usaha pembangunan modal insan dengan komuniti setempat.

"HRD Corp akan meneruskan komitmen untuk memperluas peluang kerjasama dan berkolaborasi dengan rakan strategik bagi memastikan lebih ramai rakyat Sabah, khususnya golongan rentan, dapat memanfaatkan peluang latihan yang relevan dan berimpak tinggi," katanya.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Datuk Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah; Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KESUMA; Tuan Haji Ahsim bin Haji Jamat, Timbalan Pengerusi Lembaga HRD Corp; Dato' Soon Lip Chee, Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp dan Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan, Ketua Eksekutif HRD Corp.

**-Tamat-**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Mengenai HRD Corp**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan. Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).

## LAMPIRAN

### **1. MENGENAI PUSAT SEHENTI TENAGA KERJA KESUMA**

Pusat Sehenti Tenaga Kerja KESUMA berperanan sebagai hab berpusat untuk perkhidmatan berkaitan pekerjaan, latihan dan pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Ia direka untuk memudahkan akses kepada pelbagai program kerajaan dan mekanisme sokongan bagi majikan, pekerja, pencari kerja, penyedia latihan dan orang awam. Dengan menghimpunkan pelbagai jabatan dan agensi di bawah satu bumbung, pusat ini memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, penyelarasan yang lebih baik dan penyelesaian yang lebih pantas bagi isu-isu berkaitan tenaga kerja.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang berteraskan rakyat dan bersepadu, dengan matlamat jangka panjang untuk memperluas penubuhan pusat-pusat seumpamanya di seluruh Malaysia. Sehingga kini, tiga pusat perintis telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya sejak 3 Jun 2025. Penambahan terbaharu yang terletak di Sabah akan mula beroperasi secara rasmi pada 4 Ogos 2025, menandakan satu langkah penting dalam usaha membawa perkhidmatan tenaga kerja yang komprehensif lebih dekat kepada masyarakat di Malaysia Timur. Pusat di Sabah ini dijangka akan

## UNTUK SIARAN SEGERA

meningkatkan kebolehcapaian terutamanya kepada penduduk luar bandar dan menyokong transformasi strategik tenaga kerja sejajar dengan agenda Sabah Maju Jaya dan Malaysia MADANI.

Senarai pusat yang sedang beroperasi adalah seperti berikut:

<b>NO.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH PEMBUKAAN</b>
1	Pulau Pinang	Wisma PERKESO No. 3012, Lebuh Tenggara 2 13700 Seberang Jaya Pulau Pinang	3 Jun 2025
2	Kuala Lumpur	Wisma PERKESO, Kampung Baru 50300 Kuala Lumpur	3 Jun 2025
3	Johor	Wisma PERKESO No. 26, Jalan Susur 5 Jalan Tun Abd Razak 80200 Johor Bahru, Johor	3 Jun 2025
4	Sabah	A-1-15, Block A, Sutera Avenue 88100 Kota Kinabalu, Sabah	4 Ogos 2025

## UNTUK SIARAN SEGERA

### 2. PUSAT INI MENEMPATKAN JABATAN-JABATAN DAN AGENCI-AGENCI DI BAWAH KESUMA MENAWARKAN PERKHIDMATAN SEPERTI BERIKUT;

NO.	JABATAN/AGENSI	PERKHIDMATAN
1	<b>Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pematuhan undang-undang perburuhan</li><li>• Aduan Perburuhan dan Tuntutan di Mahkamah Buruh;</li><li>• Menjalankan Pendakwaan dan Kompaun;</li><li>• Nasihat Permit Perburuhan;</li><li>• Memberi khidmat nasihat perundangan;</li><li>• Menyampaikan Pendidikan Perburuhan;</li></ul>
2	<b>Jabatan Keselamatan &amp; Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaftaran</li><li>• Pemeriksaan dan Audit</li><li>• Siasatan Insiden</li><li>• Penguatkuasaan</li><li>• Promosi</li></ul>
3	<b>Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Klinik Aduan dan Khidmat Nasihat tentang pemecatan</li><li>• Perkhidmatan Latihan dan Sesi Bimbingan Ringkas tentang produk produk JPP</li><li>• Kaunter Kesedaran Hak dan Tanggungjawab Industri</li><li>• Kaunter Bimbingan Ringkas Tatacara permohonan Tuntutan Pengiktirafan Kesatuan Sekerja, Proses Rundingan dan perjanjian Kolektif kepada kesatuan sekerja pekerja dan Majikan.</li></ul>
4	<b>Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaftaran Kesatuan</li><li>• Pengurusan Dokumentasi Kesatuan</li><li>• Pemeriksaan Penguatkuasaan Kesatuan</li><li>• Klinik Kesatuan</li></ul>
5	<b>Mahkamah Perusahaan Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semakan status kes</li><li>• Serah / terima dokumen</li><li>• Semakan jadual pengurusan kes dan perbicaraan</li></ul>
6	<b>Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat nasihat Persijilan Kemahiran dan info institut TVET.</li><li>• Khidmat nasihat pendaftaran Portal UP_TVET dan akaun Myspike.</li><li>• Permohonan persijilan PPT</li><li>• Khidmat nasihat program Akedemi dalam industri (ADI).</li><li>• Khidmat nasihat latihan Sistem Latihan Pusat Bertauliah(SLAP).</li></ul>

## UNTUK SIARAN SEGERA

NO.	JABATAN/AGENSI	PERKHIDMATAN
		<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat nasihat dan maklumat berkaitan Program TVET Madani.</li></ul>
7	<b>Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat Nasihat dan Maklumat Kursus Program Sepenuh Masa dan Kursus Jangka Pendek</li></ul>
8	<b>ADTEC JTM Kampus Sandakan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat Nasihat dan Maklumat Kursus Program Sepenuh Masa dan Kursus Jangka Pendek</li></ul>
9	<b>Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pertanyaan, Promosi dan Pendaftaran Skim Baharu PERKESO (Lindung Kasih, Lindung Diri dan Lindung Kerjaya)</li></ul>
10	<b>Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Latihan</li><li>• Konsultasi</li><li>• Penyelidikan dan pembangunan</li><li>• Penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li><li>• Pensijilan sistem pengurusan.</li></ul>
11	<b>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat nasihat dan maklumat tentang peluang pendidikan lanjutan untuk lepasan sekolah.</li></ul>
12	<b>Human Resource Development Corporation (HRD Corp) Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Khidmat Nasihat kepada Pemegang Taruh</li><li>• Pendaftaran Majikan</li><li>• Khidmat Nasihat Levi</li><li>• Pemprosesan Geran Latihan dan Khidmat Nasihat Tuntutan</li><li>• Khidmat Nasihat Penyedia Latihan dan Akreditasi</li><li>• Pembelajaran Dalam Talian eLATIH</li></ul>

### 3. KESAN DARIPADA MAJLIS PELANCARAN HARI INI

Pelancaran pusat ini dijangka akan:

- a) Meningkatkan kebolehcapaian terhadap perkhidmatan pembangunan modal insan bagi rakyat Sabah.
- b) Memperkukuh penyelarasan antara institusi tenaga kerja persekutuan dan negeri.
- c) Menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam program latihan dan peningkatan Kemahiran.
- d) Menyumbang kepada pembasmian kemiskinan dan pemeraksaan ekonomi melalui peluang pekerjaan.
- e) Memacu transformasi tenaga kerja yang inklusif dan mampan di Sabah.